




24 Januari 2019 – Berita Harian Sementara itu, Dr Dzulkefly, dalam ucapannya berkata pihaknya akan memperkenalkan Skim Peduli Kesihatan atau PeKa B40 bagi menangani isu penyakit tidak berjangkit (NCD) yang tinggi dalam kalangan golongan B40 di negara ini.

Jelas beliau, butiran lebih lanjut berhubung skim PeKa B40 yang bakal diumumkan pada 28 Januari ini, akan saling melengkapi skim mySalam yang diperkenalkan buat pertama kalinya di Malaysia.

Skim mySalam menyediakan perlindungan takaful kepada golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) yang menerima Bantuan Sara Hidup Rakyat (BSHR).

Melalui mySalam, kerajaan membantu golongan B40 menangani kesulitan kewangan yang timbul akibat kemasukan ke wad hospital kerajaan atau ditimpa satu daripada 36 penyakit kritikal.

Dr Dzulkefly berkata PeKa B40 dan mySalam berkongsi prinsip sosial yang sama iaitu memperluas akses kepada perkhidmatan kesihatan yang diperlukan, mengurangkan beban kos sara hidup dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Menghuraikan skim PeKa B40, beliau berkata ia akan memberi tumpuan kepada saringan kesihatan iaitu pengesanan awal terhadap NCD.

"Pengesanan awal adalah mustahak bagi mengelakkan keperluan rawatan yang rumit serta kos yang tinggi sekiranya pesakit didiagnos lewat atau sudah berada pada tahap kritikal.

"Inisiatif ini dilihat akan memberi kesan jangka panjang terhadap tahap kesihatan rakyat Malaysia secara umum," katanya.

mySalam pula, katanya akan memberi menumpukan kepada pemberian manfaat kepada penerima apabila baru menghidap satu daripada 36 jenis penyakit kritikal.

"Bagi memastikan kejayaan kedua-dua skim ini, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kewangan sudah mengadakan beberapa siri perbincangan bagi memastikan kesinambungan dari segi manfaat yang diberikan.

"Ini bertepatan dengan semangat dan hasrat kerajaan hari ini untuk meningkatkan kerjasama antara semua kementerian bagi memacu sinergi, demi kesejahteraan rakyat," katanya.

